

SOALAN LAZIM (FAQ)

**SUBSIDI YURAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK AUTISME (SYPA)
BAGI TAHUN 2026**

A: INFORMASI UMUM & KADAR BANTUAN

1. Apakah itu Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme (SYPA)?

Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme adalah inisiatif daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk membantu meringankan beban kos kos pembelajaran dan terapi bagi kanak-anak Autisme.

2. Berapakah kadar subsidi yuran yang akan diterima?

Mulai tahun 2026, kadar subsidi yuran adalah sebanyak RM1,000 bagi setiap kanak-kanak Autisme yang layak. Bantuan ini diberikan secara sekali beri (*one-off*).

3. Bilakah tempoh permohonan SYPA bagi tahun 2026?

Permohonan dibuka mulai **15 Mei 2026** sehingga **15 Julai 2026**.

B: SYARAT KELAYAKAN

4. Apakah syarat-syarat kelayakan untuk memohon?

- i. Pemohon (ibu/bapa/penjaga) adalah warganegara Malaysia.
- ii. Pendapatan per kapita isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan.
- iii. Kanak-kanak Autisme berusia di bawah 18 tahun
- iv. Kanak-kanak Autisme berdaftar sebagai OKU dengan JKJ.
- v. Kanak-kanak Autisme sedang mendapatkan perkhidmatan/belajar di Pusat Pembelajaran Autisme (PUSPA) iaitu pusat yang memberi perkhidmatan terapi atau Program Intervensi Awal (EIP).

5. Bagaimana cara mengira had pendapatan per kapita isi rumah?

Pendapatan per kapita dikira dengan membahagikan jumlah pendapatan bulanan isi rumah dengan bilangan ahli isi rumah.

Contoh Pengiraan:

- Jumlah Pendapatan Isi Rumah: RM21,000
- Bilangan Isi Rumah: 5 orang
- **Pengiraan:** $RM21,000 \div 5 = RM4,200$


Status: *LAYAK* (kerana jumlah RM4,200 adalah di bawah had RM5,000).

C: PROSES PERMOHONAN

6. Bagaimanakah kaedah untuk membuat permohonan SYPA 2026?

Proses permohonan melibatkan 4 langkah mudah:

- i. **Isi Borang:** Dapatkan borang melalui laman web rasmi JKM atau hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) berhampiran. Borang juga boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR di bawah:



- ii. **Hantar ke PUSPA:** Serahkan borang yang telah lengkap diisi ke Pusat Pembelajaran Autisme (PUSPA) tempat anak anda belajar/menjalani terapi berserta dokumen sokongan seperti berikut:
 - a) Salinan kad pengenalan pemohon (ibu/bapa/penjaga)
 - b) Salinan kad pengenalan/MyKid/ sijil kelahiran anak/ sijil anak angkat kanak-kanak Autisme.
 - c) Salinan kad OKU kanak-kanak Autisme.
 - d) Salinan resit bayaran yuran/ pengesahan pendaftaran mengikuti program di Pusat Pembelajaran Autisme (PUSPA).
 - e) Salinan penyata pendapatan ibu/bapa/penjaga dan ahli serumah atau surat pengesahan pendapatan dari majikan/ ketua kampung/ Penghulu/ JKKKK bagi individu yang tidak mempunyai penyata pendapatan.
 - f) Salinan sijil kelahiran/kad pengenalan ahli keluarga yang ditanggung (serumah).
- iii. **Pengesahan PUSPA & Serahan ke JKM:** Pihak PUSPA akan membuat pengesahan dan menghantar borang yang lengkap tersebut ke Pejabat Kebajikan Masyarakat terdekat pada atau sebelum 15 Julai 2026.
- iv. **Kelulusan:** Kelulusan permohonan Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme (SYPA) akan dimaklumkan kepada pihak PUSPA.

D: PANDUAN PENGGUNAAN BORANG & DOKUMEN

7. Apakah borang-borang yang terlibat dalam permohonan SYPA 2026 dan apakah fungsinya?

Terdapat dua (2) borang utama yang digunakan mengikut peranan pihak masing-masing:

i. Borang YPA1: Borang Permohonan Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme Ibu Bapa/Penjaga.

- Borang ini perlu diisi dan dilengkapi oleh ibu/bapa/penjaga.
- Sila sertakan dokumen sokongan seperti berikut:
 - a) Salinan kad pengenalan pemohon (ibu/bapa/penjaga)
 - b) Salinan kad pengenalan/MyKid/ sijil kelahiran anak/ sijil anak angkat kanak-kanak Autisme.
 - c) Salinan kad OKU kanak-kanak Autisme.
 - d) Salinan resit bayaran yuran/ pengesahan pendaftaran mengikuti program di Pusat Pembelajaran Autisme (PUSPA).
 - e) Salinan penyata pendapatan ibu/bapa/penjaga dan ahli serumah atau surat pengesahan pendapatan dari majikan/ ketua kampung/ Penghulu/ JKKKK bagi individu yang tidak mempunyai penyata pendapatan.
 - f) Salinan sijil kelahiran/kad pengenalan bagi ahli keluarga yang ditanggung.
- Ibu/bapa/penjaga menyerahkan Borang YPA1 yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan kepada pihak PUSPA.

ii. Borang YPA2: Borang Permohonan Subsidi Yuran Pembelajaran Kanak-Kanak Autisme Pusat Pembelajaran Autisme (PUSPA).

- Borang ini perlu diisi dan dilengkapi oleh pihak PUSPA.
- Pihak PUSPA menyerahkan dokumen di bawah ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah terdekat pada atau sebelum 15 Julai 2026:
 - a) Borang YPA2
 - b) Borang YPA1
 - c) Dokumen sokongan seperti dinyatakan dalam Lampiran 1.
 - d) Senarai permohonan kanak-kanak (Lampiran 2).

8. Apakah dokumen lampiran atau senarai semak yang perlu difahami oleh pemohon?

Selain borang permohonan, terdapat dua lampiran penting:

- i. Lampiran 1 (Senarai Semak): Panduan dokumen sokongan yang wajib disediakan oleh PUSPA dan ibu/bapa/penjaga bagi memastikan permohonan adalah lengkap.
- ii. Lampiran 2 (Senarai Kanak-Kanak Autisme): Senarai nama kanak-kanak Autisme yang disediakan oleh pihak PUSPA untuk penyerahan secara kelompok kepada JKM.

9. Bagaimanakah aliran pengisian dan penyerahan borang-borang ini dilakukan?

Aliran proses adalah seperti berikut:

- i. Edaran: Borang YPA1 boleh dimuat turun melalui portal rasmi JKM atau diperolehi dari pihak PUSPA masing-masing.
- ii. Pengisian: Ibu/bapa/penjaga melengkapkan Borang YPA1 dan mengembalikannya kepada PUSPA berserta dokumen sokongan yang diperlukan (berdasarkan senarai semak Lampiran 1).
- iii. Penyerahan Kelompok: Pihak PUSPA akan mengumpulkan Borang YPA1 (daripada ibu/bapa/penjaga), melengkapkan Borang YPA2, Lampiran 1 dan Lampiran 2, kemudian menyerahkan kesemuanya kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat terdekat.
- iv. Semakan & Ringkasan: Pihak JKM akan menyemak semua dokumen tersebut dan menyediakan Borang YPA3 bagi tujuan proses kelulusan.

10. Di manakah ibu bapa atau pihak PUSPA boleh mendapatkan borang-borang ini?

Semua borang (YPA1 dan YPA2) serta senarai semak (Lampiran 1 dan Lampiran 2) boleh didapati/ dimuat turun melalui:

- Portal rasmi JKM.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Perlis / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Labuan.
- Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian / Cawangan (PKMD/J/B/C) yang berdekatan.

E: MAKLUMAT LANJUT

11. Sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, siapakah yang boleh saya hubungi?

Anda boleh:

- Hadir atau hubungi **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)** yang berdekatan dengan kawasan anda.
- Layari portal rasmi JKM di **www.jkm.gov.my**.
- Ikuti media sosial rasmi JKM di Facebook, Instagram, X (Twitter), dan TikTok: **@jkmhq**.